

29/06/1998

Kempen cegah dadah perlu berterusan

Fazli Abdullah; Junita Mat Rasid

MALAYSIA merancang bebas daripada dadah menjelang tahun 2023, tiga tahun terlewat daripada Wawasan 2020. Itulah matlamat jangka panjang ditetapkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam usaha mewujudkan bangsa berwawasan. Walaupun ia satu tempoh yang panjang, perancangan itu adalah strategi terbaik setakat ini.

Program 25 tahun bermula tahun ini, digariskan selepas 'perang' ke atas dadah diisytiharkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 19 Februari 1983, kurang berjaya. Ini terbukti dengan kadar penagihan semula yang tinggi, kira-kira 60 peratus.

Walaupun usaha itu kurang berjaya, amanah berkenaan tetap digalas agensi penguatkuasa kerajaan dengan kerjasama semua pihak. Berdasarkan perangkaan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK), tahun lalu 36,284 penagih dikesan, termasuk 18,942 atau 52.2 peratus penagih berulang. Daripada jumlah itu, 25,578 atau 70.4 peratus adalah Melayu.

Berbanding beberapa tahun sebelumnya, bilangan penagih tahun lalu lebih tinggi. Pada 1996, bilangan penagih yang dikesan adalah 30,598 orang, 1995 (34,104), 1994 (28,756), 1993 (25,457), 1992 (21,506), 1991 (20,341) dan 1990 (19,310).

Lebih membimbangkan, tahun lalu, 30,362 atau 87.16 peratus penagih dadah adalah belia berusia di antara 16 hingga 39 tahun, secara tidak langsung menyumbang kepada keruntuhan akhlak di kalangan belia.

Ketua Pengarah ADK, Mohd Bakri Omar, yang pernah bertugas sebagai ketua polis di beberapa negeri sebelum mengambil alih pucuk pimpinan ADK daripada Datuk Yaacob Md Amin, awal tahun ini, mengakui belia adalah sasaran utama dan penyalahgunaan najis dadah di kalangan mereka sudah mencapai tahap serius.

Fenomena itu bukan saja berlaku di Malaysia, malah kira-kira 200 juta orang di seluruh dunia, khususnya belia yang sepatutnya menjadi aset produktif negara, kini menjadi hamba dadah.

Pada peringkat global, kebimbangan terhadap gejala penagihan dadah dibuktikan apabila satu perjumpaan antarabangsa anjuran Program Pengawalan Dadah Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDCP) dan Unesco yang dihadiri belia dari beberapa negara diadakan, Februari lalu. Sempena perjumpaan itu, mereka melancarkan Piagam Belia sebagai tekad membasmi penagihan dadah.

Selain itu, forum mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah turut diadakan di Kanada, April lalu. Forum itu dihadiri kira-kira 185 belia dari 24 negara dan mengemukakan cadangan ke arah pencegahan penyalahgunaan dadah.

Hasil forum dan piagam itu kemudiannya dibentangkan pada persidangan khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), baru-baru ini dan diterima pelaksanaannya di semua negara anggota PBB dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah di seluruh dunia. Persidangan tiga hari bermula 8 Jun lalu yang dihadiri pemimpin dunia, termasuk Presiden Bill Clinton, turut disertai Malaysia yang diwakili Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Menyedari kepentingan belia sebagai aset negara serta kesungguhan golongan itu menghapuskan penyalahgunaan dadah, UNDCP memilih tema 'Belia Bersatu Mencegah Penyalahgunaan Dadah' sempena Hari Antidadah Antarabangsa.

"Penyalahgunaan dadah, khususnya di kalangan belia sudah mencapai tahap

serius. Jadi, amat wajar golongan itu diberi tumpuan pada setiap program yang dilaksanakan kerana mereka adalah aset sangat ternilai," kata Mohd Bakri.

Pada sidang khas itu, semua negara, termasuk pengeluar dadah memberi komitmen untuk membanteras penyalahgunaan dadah. Ini adalah kali pertama semua negara bersatu memerangi dadah, sekali gus membuka era baru dalam usaha menghapuskan dadah.

Sehubungan itu, persidangan berkenaan meluluskan empat ketetapan bagi merealisasikan matlamat berkenaan iaitu tidak membenarkan wang hasil penjualan dadah dilaburkan di mana-mana negara, sepakat mengurangkan pengeluaran, mengurangkan permintaan dan deklarasikan politik semua terhadap usaha itu. Selain itu, sidang berkenaan turut menetapkan tempoh 10 tahun bagi memerangi dadah iaitu menjelang tahun 2008.

Bagi Malaysia, tempoh 25 tahun adalah sesuai untuk mewujudkan masyarakat bebas dadah, sekali gus lebih praktikal berbanding sasaran PBB. Tempoh 25 tahun sesuai kerana ia membabitkan satu generasi iaitu bermula dari zaman kanak-kanak sehingga mereka dewasa.

Keyakinan ADK merangka program pencegahan yang bermula dari zaman kanak-kanak itu memang berasas dan perkara ini pernah diperkatakan Dr Mahathir ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa ke-14 Persekutuan Pertubuhan Bukan Kerajaan Bagi Pencegahan Dadah (IFNGO), pada 1992.

"Pencegahan bermula dari rumah. Fungsi keluarga adalah penting bagi menanamkan nilai moral sebagai benteng pertahanan diri melawan gejala dadah. Selepas keluarga, masyarakat turut bertanggungjawab bagi memastikan supaya gejala itu tidak berleluasa," kata Dr Mahathir.

Oleh itu, Mohd Bakri menegaskan: "Dengan memulakan usaha mengatakan tidak kepada dadah bermula dari zaman kanak-kanak lagi, kita harap dapat memulakan satu generasi yang bebas apabila mereka dewasa".

Antara program dijalankan ADK ialah menganjurkan Majlis Sehari Bersama Masyarakat dengan projek perintis diadakan di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur, baru-baru ini. Program sehari itu membabitkan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kedudukan.

Mohd Bakri berkata, ADK akan mengadakan kira-kira 10 lagi majlis berkenaan di seluruh negara agar pendedahan lebih meluas, sekali gus menyedarkan masyarakat mengenai bahaya dadah.

Program ini adalah sebahagian daripada pendekatan mendedahkan ibu bapa dan masyarakat terhadap usaha membasmi gejala penyalahgunaan dadah. Melaluinya, ibu bapa didedahkan kepada cara mengelak anak daripada terjebak dalam penagihan dadah.

Selain itu, ADK dengan kerjasama Kementerian Pendidikan juga melaksanakan Program Intelek Asuhan Rohani (Pintar) di sekolah rendah secara berperingkat. Pintar mendedahkan murid dengan pelbagai aspek berkaitan dadah serta menanam ketahanan diri supaya mengatakan tidak kepada dadah.

Projek perintis yang diubah suai daripada program yang dilaksanakan di Amerika Syarikat iaitu Dare America, membabitkan kira-kira 700 murid sembilan sekolah tahun lalu, mencapai matlamatnya iaitu mengasuh murid membenci dadah. Sehubungan itu, program berkenaan dijangka diperluaskan ke seluruh negara tidak lama lagi.

ADK dan Kementerian Pendidikan juga sedang menggubal kurikulum berkaitan dadah untuk diterima pakai oleh guru pelatih. Ini penting kerana tenaga pengajar mesti didedahkan mengenai baik buruk dadah bagi membolehkan mereka menerima maklum balas daripada murid.

Kedua-dua pihak itu juga menerbitkan sebuah buku Kenali dan Perangi Dadah dan diedarkan ke semua sekolah sebagai usaha mendedahkan guru dan murid mengenai dadah sejak Januari lalu.

Bagi Mohd Bakri, apa yang penting dalam usaha memerangi dadah adalah

kerjasama keluarga, pemimpin masyarakat serta sektor swasta. Pihak ini tidak seharusnya bersikap lepas tangan, sebaliknya menganjurkan majlis mereka sendiri sepanjang masa bagi memastikan setiap program pencegahan berkesan.

Mereka tidak boleh bergantung kepada ADK saja kerana kemampuan agensi itu adalah terhad tambahan lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi yang berlaku sekarang.

"Usaha pencegahan mesti bermula di rumah, masyarakat dan tempat kerja bagi memastikan kejayaan. Tanpa sokongan semua pihak adalah sukar untuk memastikan kejayaan," jelasnya.

Sebenarnya, masalah gejala penagihan dadah di kalangan belia boleh ditangani kerana berdasarkan punca ketagihan, sebahagian besar disebabkan pengaruh rakan sebaya iaitu 47.56 peratus, ingin mencuba (29.43) serta mencari keseronokan (15.9).

"Jika dilihat kepada punca itu, sesungguhnya gejala penagihan dadah khususnya di kalangan belia boleh dihindari, sekali gus membasminya. Oleh itu, kempen perlu diadakan secara berterusan oleh semua pihak dan tidak wajar melepaskannya kepada ADK saja," katanya.

Dr Mahathir ketika merasmikan kempen antidadah peringkat negara, dan pengisytiharan 'Dadah Sebagai Musuh Negara Nombor Satu' pada 19 Februari 1983 menegaskan: "Jika masyarakat sedar dan bertanggungjawab maka awal-awal lagi akan disemai dalam hati dan fikiran kanak-kanak mengenai kehinaan dan budaya menjadi penagih dadah. Jika kanak-kanak kita membesar dengan kepercayaan bahawa penyalahgunaan dadah adalah satu jenayah yang dahsyat yang lebih buruk daripada mencuri dan menyamun, maka mereka akan mengelakkan diri daripada terlibat dengan dadah".

Apa yang penting, kempen tidak seharusnya hanya diadakan sekali setahun iaitu pada Hari Antidadah Sedunia saja. Ia harus dilakukan sepanjang masa.

(END)